

Pendahuluan

- Manusia memerlukan pekerjaan dan berusaha keras pada waktu siang dan malam untuk mencari rezeki dan kesejahteraan hidup.
- Ia sudah menjadi satu lumrah yang biasa bahawa manusia mendambakan kehidupan manusia yang serba mewah.
- Selain itu, tidak semua orang dapat menikmati keindahan dan keseronokan dunia kerana mereka bertungkus lumus dan berhempas pulas untuk mencari rezeki halal.

Pandangan Islam mengenai amalan berhutang

- Tidak menggalakan umatnya berhutang atau membuat pinjaman terutama sekali bagi tujuan yang melebihi keperluan asas kehidupan.
- Menimbulkan kerisauan setiap masyarakat.
- Menyebabkan tabiat berhutang semakin menular dalam masyarakat.
- Keinginan manusia terhadap kesenangan dunia sememangnya tiada batasan dan sempadan.

Konsep pinjaman dalam Islam

Pinjaman terbahagi kepada 2 kategori iaitu **al-'ariyah** dan **al-qard**.

- al-'ariyah** - Pinjaman yang melibatkan pemberian sesuatu barangan atau harta oleh pemberi pinjaman.
- Hak pemilik masih ke atas barangan masih kekal.
- Barang yang dipinjam hendaklah dipulangkan kepada tuannya dan bukan memulangkan gantian barang tersebut.

Konsep pinjaman dalam Islam (cont)

- Melibatkan barangan atau benda yang tidak musnah apabila digunakan yang boleh dikembalikan dalam keadaan asal.
- al-Qard** - Melibatkan pemindahan pemilikan barangan atau komoditi yang tidak musnah.
- Pinjaman yang dibayar balik kepada pemiutang tanpa syarat keuntungan.

Definisi Al-Qard

Bahasa **Potong**. (Harta yang diberikan kepada orang yang berhutang).

Istilah Penyerahan sesuatu barang atau harta daripada pemiutang kepada penghutang dengan syarat barang tersebut.

Pinjaman yang melibatkan pemindahan pemilikan barangan atau komoditi.

Dikategori sebagai **tabarru'** iaitu kontrak yang berteraskan kepada konsep kebajikan.

Riba' iaitu penambahan wang atas sesuatu pinjaman.

Larangan Riba'

Allah SWT juga telah memberi peringatan kepada orang yang beriman agar tidak memakan riba sebaliknya mereka diseru agar bertaqwa kepada Allah SWT kerana dengan itu mereka akan terdiri daripada orang-orang yang berjaya.

Fatwa pengharaman riba'

- Setiap penambahan atau faedah ke atas hutang disebabkan peminjam lewat menjangka hutang atau faedah yang ditetapkan pada awal kontrak pinjaman.
- Kedua-duanya adalah riba yang diharamkan oleh hukum syara'.

Prinsip al-Qard al-Hasan

al-Qard al-Hasan bermaksud pinjaman yang baik.

- Seseorang untuk melakukan kebajikan dengan membantu saudaranya yang berada dalam kesempitan khususnya dalam aspek kewangan.
- Oleh itu, peminjam hanya perlu membayar jumlah wang yang dipinjam sahaja tanpa dikenakan faedah.
- Kontrak ini juga menjurus kepada kepada sifat toleransi dan prihatin peminjam.

Hukum al-Qard

Sunat - memberi hutang kepada seseorang yang memerlukan.

Harus - bagi membebaskan diri daripada kesempitan hidup.

Tidak harus - memberikan pinjaman sekiranya diketahui bahawa wang digunakan bagi tujuan haram.

Rukun al-Qard

- Pemiutang (orang yang memberikan pinjaman)
- (a) Seorang ahli **tabarru'** yang boleh menguruskan harta, mengurus niaga (ahliyyah al-mu'amalah) dan memiliki harta tersebut.
 - (b) Tiada unsur paksaan (redha)

Rukun al-Qard (cont)

Penghu- (a) Bagi kanak-kanak dan anak-
tang/p- anak yatim, mereka harus
eminjam meminjam sekiranya
mempunyai wali yang boleh
menguruskannya.

(b) Tiada unsur paksaan (redha)

(c) Berkemampuan untuk
membayar balik pinjaman yang
dibuat.

Barang yang dipinjam Barang-barang yang boleh
disukat, ditimbang dan dibilang
dan mempunyai saiz yang
hampir serupa.

Sighah Lafaz ijab dan qabul.

Objektif pelaksanaan al-Qard al-Hasan

- Membantu golongan yang memerlukan.

- Mengukuhkan sektor sosio ekonomi
negara.

- Menghapuskan diskriminasi sosial dan
ekonomi dalam masyarakat.

- Mendapat keberkatan dan ganjaran
berterusan di dunia dan akhirat.

- Merapatkan jurang perbezaan antara
golongan yang kaya dan miskin melalui
pengagihan kekayaan dan sumber dalam
masyarakat.

Instrumen penjana sosio ekonomi ummah

Skim pembiayaan secara mikro Kredit

- Membantu proses penjanaan pendapatan
secara tetap

Skim pinjaman secara qard hasan

- Tidak mengenakan faedah ke atas
pinjaman,

Skim Al-rahnu

- Sebagai transaksi pemberian kemudahan
pinjaman wang

Prinsip-prinsip umum ketika berhutang

- Setiap hutang yang dibuat hendaklah
ditulis.

- Tidak boleh mengenakan sebarang
bayaran tambahan terhadap pinjaman.

- Kepentingan menyelesaikan semua
hutang turut disyaratkan dalam perwarisan.

- Hutang merupakan hak individu tertentu
yang wajib dipulangkan dalam tempoh
sebagaimana yang dijanjikan.

Bantuan kepada asnaf al-gharimin

- Dapat memenuhi keperluan asas
kehidupan misalnya membeli makanan,
bagi tujuan perubatan, pembelian barang-
barang asasi selepas ditimpa musibah
seperti kebakaran dan sebagainya (perlu
disertakan resit).

- Kerajaan negeri melalui institusi zakat
memainkan peranan yang besar dalam
meringankan beban yang dihadapi oleh
golongan yang dibelenggu hutang atau
asnaf algharimin.

- Fungsi institusi zakat begitu signifikan
bagi mewujudkan keseimbangan dalam
aspek sosial dan ekonomi dalam masyar-
akat.

Gejala ceti haram

- Aktiviti menjalankan perniagaan
pemberian pinjaman wang tanpa lesen
yang sah atau lesen tamat tempoh atau
lesen digantung.

- Dalam kebanyakan kes, laporan dibuat
kepada pihak polis apabila peminjam
menerima ancaman dan ugutan daripada
ah long setelah peminjam didakwa gagal
menyelesaikan hutang tertunggak.

- Bertentangan dengan ajaran Islam kerana
perkhidmatan pinjaman kewangan yang
ditawarkan mengandungi unsur riba'.

Memerangi ceti haram

- Kerajaan mengambil tindakan berterusan
untuk mengawal dan memantaunya.

- Seperti Polis DiRaja Malaysia dan NGO.

- Memberhentikan pemberian lesen kepada
peminjam wang berlesen, kempen
kesedaran, khidmat nasihat.

- Menurunkan iklan ah long di kawasan-k-
awasan perumahan.

Kesimpulan

Islam mengharuskan umatnya berhutang
atau membuat pinjaman kewangan, namun
tindakan tersebut tidak sewajarnya
dijadikan sebagai amalan atau budaya
melainkan dalam keadaan terdesak atau
sangat memerlukan.

Islam telah mensyariatkan instrumen
pemberian pinjaman kewangan yang tidak
membebankan pengguna menerusi prinsip
al-Qard al-Hasan.